

Perkhidmatan awam matang , dan mampu melakukan perubahan penting — PM

KUALA LUMPUR 21 Ogos Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata perkhidmatan awam negara telah menunjukkan kematangan dan keupayaan mencrima dan melakukan perubahan perubahan penting dalam memenuhi keperluan keperluan yang wujud dalam masyarakat.

Beliau berkata, dalam hubungan ini Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai landasan rasmi perkhidmatan awam juga mampu melihat keutamaan - keutamaan yang perlu diberi perhatian.

Katanya, negara yang sedang membangun seperti Malaysia memerlukan perkhidmatan awam yang dapat menghayati tradisi memupuk nilai - nilai kesetiaan, berdedikasi serta berwibawa, cekap dan berkebolehan.

Beliau menegaskan demikian dalam perutusan-nya sempena perayaan 55 tahun JPA esok.

"Nilai - nilai tersebut perlu dikekalkan pada tahap yang tinggi agar tradisi yang kita amalkan sekarang berterusan," tambah Datuk Sri Dr. Mahathir.

negara.

"Sempena perayaan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada setiap kakitangan perkhidmatan awam yang telah berkhidmat dengan setia dan dedikasi untuk kemajuan rakyat dan negara," kata Datuk Sri Dr.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, sebagai sebuah jabatan utama kerajaan yang bertanggungjawab mengendalikan soal - soal pengurusan kakitangan perkhidmatan awam, sambutan ulangtahun ini juga melambangkan kejayaan serta kemajuan perkhidmatan awam yang telah dicapai sekarang.

JPA, kata beliau, mestilah meneruskan usaha mencari dan memperkuatkan kemahiran - kemahiran baru agar dapat dijadikan sumber untuk menempuh cabaran - cabaran masa depan.

Tambah Datuk Sri Dr. Mahathir, adalah menjadi hasrat dan matlamat kerajaan untuk meningkatkan lagi kecekapan pegawai - pegawainya demi masa depan rakyat serta

Mahathir,

Sementara itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sallehuddin Mohamed menegaskan dalam perutusan yang sama bahawa dasar - dasar pengurusan tenaga manusia hendaklah diberi perhatian kepada tiga aspek iaitu individu, perkumpulan

dan ketua pentadbir.

Menurut beliau, dasar - dasar pengurusan personal yang bersifat inovatif perlu digubal dan dilaksanakan bagi membolehkan anggota - anggota perkhidmatan awam menghulurkan sumbangan yang paling maksimum.